



Datuk A. Kadir Jasin
Tokoh Wartawan Negara 2011.

BANJIR BESAR PETANDA AMARAN AWAL

Sepatutnya, hujan lebat dan banjir tidak menjadi berita atau kehairanan lagi kepada kita. Memang pun negara kita merupakan negara berhujan dan apabila ada hujan, tentulah berlakunya banjir.

Malaysia merupakan negara khatulistiwa yang mengalami dua pusingan angin monsun, iaitu monsun barat daya dari April hingga Oktober dan monsun timur laut, iaitu dari Oktober hingga Februari.

Bagi tahun 2021 dan 2022, Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan bahawa tempoh monsun timur laut atau musim tengkujuh akan berlaku dalam jangkaan empat hingga enam episod hujan lebat. Selain itu, mulai penghujung Januari hingga Mac 2022, cuaca kering dijangka berlaku di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Kelantan.

Peristiwa banjir pada kali ini menjadi berita besar dan hangat kerana beberapa

sebab. Pertama, hal ini berlaku dengan mendadak, meluas, teruk dan lama. Sudah hampir dua minggu, namun masih ada tempat yang belum surut sepenuhnya. Kedua, bencana tersebut disertai oleh sisa pemusnahan alam sekitar yang sangat banyak dan ketiga berita mengenainya dikongsi secara meluas melalui media sosial.

Hujan lebat dan banjir itu membawa kembali ingatan saya kepada zaman hidup susah di kampung pada zaman sebelum dan awal merdeka. Setiap tahun banjir akan berlaku. Kita tahu hal yang akan berlaku dan sentiasa bersiap sedia. Kita berdikari dengan amalan “kita bantu kita”. Tidak ada Jabatan Meteorologi,

polis, tentera, bomba atau apa-apa pasukan penyelamat yang membantu kita. Susah payah kita tidak menjadi berita kepada sesiapa. Kita jaga sesama kita dengan apa-apa yang ada.

Bagi rumahnya di tepi sungai, mereka lazimnya mempunyai sampan dan perahu. Budak-budak membuat rakit buluh, batang pisang, rumbia dan rumpun nipah hanyut. Rumah pula bertiang tinggi. Tidak ada masalah kalau berlaku banjir sedalam empat atau lima kaki. Tidak ada kereta dan motosikal untuk dirisaukan kerana jarang-jarang sekali ada orang yang mampu memilikinya. Kalau ada pun hanyalah basikal yang akan digantungkan di dinding rumah atau disangkut di dahan pokok.





Kerbau dan lembu dikurung atas bonggol yang tidak dinaiki banjir dan diberi makan rumput dan jerami. Pada awal banjir, rumput masih segar walaupun ditenggelami air. Kerbau boleh meragut rumput yang tenggelam. Ayam berlindung di dalam reban yang dibina tinggi atau di dahan-dahan pokok. Itik dibiarkan berenang sesuka hati. Kadang-kadang dihanyutkan air deras atau dimakan biawak dan buaya.

Apabila air melimpah, ikan-ikan berkeliaran dan sukar ditangkap dan kenyang memakan cacing, ulat dan serangga. Hanya orang yang pakar sahaja tahu mengail, menjala dan memukat ketika banjir. Saya gemar memancing dengan bercangkung di atas dahan pokok rendah berhampiran rumah. Ular, cicak, katak, mengkarung, tikus dan segala jenis haiwan yang merayap memanjat pokok dan kayu hanyut untuk menyelamatkan diri. Sekali sekala haiwan-haiwan itu masuk ke rumah. Almarhum nenek saya dipatuk ular tedung senduk ketika menyeluk guri untuk mencedok beras. Beliau dikejarkan ke hospital kerajaan di Alor Setar, kira-kira 32 kilometer jauhnya, untuk mendapatkan rawatan.

Banjir itu menyusahkan, namun pada masa yang sama menyuburkan sawah dan ladang dengan menimbunkan lumpur yang kaya dengan pelbagai mineral dan bahan organik. Waktu itu wujud simbiosis antara manusia dengan persekitarannya. Mereka tahu buruk baik berumah di lembangan sungai, lereng bukit atau tepi laut. Mereka mencongakkan dulu buruk dan baik sesuatu tempat sebelum mendirikan rumah.



Pada hari ini, banyak orang mendirikan rumah atau membelinya tanpa memedulikan permukaan bentuk muka bumi. Pihak berkuasa dan pemaju pula sering bersubahat dan kadang-kadang membabitkan rasuah, bagi membina rumah di kawasan berisiko seperti tebing sungai, paya dan lereng bukit.

Akhir sekali, muka bumi dirosakkan dan dipinda oleh manusia sehingga air dari hulu yang dahulunya mengambil masa beberapa hari untuk sampai ke muara, pada hari ini mencurah-curah turun secepat kilat dengan pelbagai sisa tebang dan buangan. Di kawasan terbangun yang gondol dan berturap, larian permukaan (surface runoff) yang laju dan sistem saliran yang tidak diurus menyebabkan berlakunya banjir.

Banjir yang semakin kerap dan teruk merupakan antara petanda bahawa negara kita sudah mula merasai kesan perubahan iklim dunia. Alasan yang mengatakan Malaysia bukan antara negara yang terancam akibat perubahan iklim disifatkan sebagai dangkal dan tidak berlandaskan sains.

Kalau kita pelajar tentang permukaan bumi di negara kita, kita akan dapati kira-kira 29800 kilometer persegi atau bersamaan dengan sembilan peratus muka bumi kita terdedah kepada banjir. Kiraan ini hampir bersamaan dengan keluasan

negeri Pahang. Walaupun kita berbangga dengan Gunung Kinabalu yang tingginya 4059 meter dan Gunung Tahan 2187 meter, purata ketinggian negara kita daripada paras laut hanyalah 538 meter. Bahkan, kawasan pantai kita ada yang tidak sampai dua meter dari paras laut.

Paras laut pula telah naik akibat pemanasan global yang menyebabkan kecairan air beku di Kutub Utara dan Selatan. Antara tahun 1900 dengan 2017, paras laut telah meningkat naik dari 16 hingga 21 sentimeter. Isu ini kelihatannya kecil, tetapi kesannya cukup besar. Dianggarkan sehingga 410 juta orang manusia yang tinggal di kawasan kurang daripada dua meter atas paras laut menghadapi risiko ditenggelami jika pemanasan global tidak disekat. Pada masa ini, dianggarkan 267 juta orang di seluruh dunia tinggal di kawasan kurang daripada dua meter atas paras laut.

Kesimpulannya, kita janganlah memandang remeh kejadian banjir yang semakin buruk dan keadaan cuaca yang semakin tidak menentu. Kita perlu berhenti daripada merosakkan muka bumi dan mengambil langkah memulihkan kerosakan yang telah dilakukan, misalnya dengan menanam semula hutan, sama ada di pergunungan, lembah, lembangan sungai atau persisiran pantai. Kita wajib mengamalkan cara hidup yang lestari dan mesra alam. □